

# SIARAN MEDIA

## *Untuk Siaran Segera*



### **BANK ISLAM SEDIA BANTU PELANGGAN PASCA-MORATORIUM**

*Alu-alukan perbincangan untuk selesaikan tanggungjawab kewangan*

**KUALA LUMPUR, Ahad, [5 Julai 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") menggalakkan para pelanggannya yang terjejas akibat COVID-19 untuk menghubungi Bank bagi mengatur penyelesaian terbaik memandangkan tempoh moratorium selama enam bulan dijadualkan tamat pada bulan September.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Kami peka dengan keperluan para pelanggan dan secara proaktif telah menyediakan pelbagai penyelesaian berdaya maju untuk membantu mereka mengatasi keadaan ekonomi yang tidak menentu akibat pandemik yang memberi kesan kepada perniagaan kecil dan runcit. Segmen tersebut juga merupakan kumpulan portfolio pembiayaan terbesar Bank. COVID-19 membawa cabaran yang tidak pernah dijangka, dan kesukaran yang dialami semua pihak adalah berbeza. Sehubungan itu, Bank telah memberi moratorium selama 6 bulan, dan pelanggan akan membayar jumlah ansuran yang sama selepas tempoh tersebut. Sepanjang 6 bulan pelaksanaan moratorium, Bank Islam telah membantu lebih daripada 394,000 pelanggan daripada segenap segmen."

"Pelan strategik telah dirangka dan Bank sentiasa bersedia untuk memastikan keperluan kewangan pelanggan diberi keutamaan serta mereka bersedia untuk mencari jalan keluar daripada persekitaran yang mencabar ini. Apa yang perlu dilakukan hanyalah datang untuk berbincang dengan kami." tambah Mohd Muazzam.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan alternatif penyelesaian bayaran Bank Islam, pelanggan dinasihatkan ke cawangan Bank Islam berdekatan atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di 03 2690 0900

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada

900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad  
Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan  
Bank Islam Malaysia Berhad  
Aras 31, Menara Bank Islam  
No. 22, Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2782 1232  
Tel. bimbit: 019-339 4491  
Faks: 03-2781 2998  
Emel: [wnorkhairi@bankislam.com.my](mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my)  
Web: [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)

Omar Atin  
Penolong Timbalan Presiden  
Perhubungan Awam  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
BIMB Holdings Berhad  
Aras 31, Menara Bank Islam  
No. 22, Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-2781 2943  
Tel. bimbit: 019-391 9144  
Faks: 03-2781 2998  
Emel: [omar@bimbholdings.com](mailto:omar@bimbholdings.com)  
Web: [www.bimbholdings.com](http://www.bimbholdings.com)